



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**KENDURI RAKYAT DAN KARNIVAL SUKAN WILAYAH
PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

KOMPLEKS FUTSAL PRESINT 18, WP PUTRAJAYA

17 FEBRUARI 2019 (AHAD) / 10.00 PAGI

Bismillahhirrahmannirahim,

Terima kasih Saudara Pengurus Majlis

[senarai salutasi akan dimaklumkan kemudian]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang saya hormati,

Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah s.w.t dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini di Kompleks Futsal, Presint 18 Putrajaya untuk menjayakan Kenduri Rakyat dan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan Putrajaya bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan kali yang ke-15 pada tahun ini.

Terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan, ahli keluarga dan masyarakat setempat kerana dapat meluangkan masa hadir bersama-sama memeriahkan Kenduri Rakyat dan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan yang dianjurkan secara bersama oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada tahun ini slogan “Sayangi Wilayahku” telah diangkat sebagai tema untuk sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Pemilihan tema ini bertujuan untuk memupuk semangat integrasi nasional dan kesejahteraan yang akan menjadi penggerak utama agenda memperkasakan perpaduan kepelbagaian lapisan masyarakat yang berbilang kaum khususnya di Wilayah Persekutuan. Dengan penganjuran program seperti ini, kehangatan dan kemeriahan sambutan Hari Wilayah Persekutuan masih dirasai walaupun kita telah berada dipertengahan bulan Februari.

Sememangnya program-program yang telah disusun sepanjang bulan Februari ini khusus kepada semua golongan dari yang muda, belia, keluarga dan seluruh komuniti di Wilayah Persekutuan. Secara keseluruhan pengisian program pada tahun ini melibatkan lima (5) kluster utama iaitu Kluster Pengiktirafan, Kluster Mesra Rakyat, Kluster Sukan Dan Rekreasi, Kluster Ilmiah Dan Kerohanian dan Kluster Inisiatif Mensejahterakan Rakyat.

TEMA BAHARU KWP “WILAYAH PEDULI, HARAPAN DIPENUHI”

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun melancarkan dasar dan hala tuju baharu bagi tahun 2019. Kementerian akan memberi penumpuan kepada 6 teras utama sebagai sasaran untuk memacu Wilayah Persekutuan ke arah yang lebih cemerlang. 6 teras tersebut adalah memberi fokus kepada bandaraya bersih, meningkatkan tahap keselamatan awam, meningkatkan tahap kecekapan atau *efficiency* sistem pengangkutan awam, menyasarkan pembangunan sosio-ekonomi yang mampan, melestarikan persekitaran hijau di Wilayah Persekutuan, serta melaksanakan pembangunan komuniti yang inklusif dan berdaya saing. Keenam-enam teras ini akan menjadi panduan kepada perancangan dan pengurusan Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi dalam merencanakan setiap program / perkhidmatan / produk yang dilaksanakan untuk rakyat seiring tema “Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi” (*Caring Wilayah, Realizing Aspiration*).

PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN PUTRAJAYA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Wilayah Persekutuan Putrajaya telah berkembang dengan sangat baik sejak 24 tahun yang lalu, di mana hala tuju pembangunan menekankan pada pembangunan mampan. Putrajaya telah dilengkapi dengan infrastruktur dan pembangunan kelas dunia yang telah dicapai dalam fasa pertama pembangunannya.

Fasa pertama pembangunan bandar ini adalah untuk menjadikan Putrajaya menjadi sebuah Bandar Hijau yang akan terus meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Di samping itu, Putrajaya juga dijadikan sebuah bandar perintis Malaysia dalam memulakan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan karbon di peringkat skala bandar. Kini pusat pentadbiran ini sedang melalui transformasi baharu iaitu ke arah sebuah bandar pintar (*smart city*).

Pusat Pentadbiran Putrajaya telah dipilih sebagai lokasi pengujian ‘test bed’ bagi teknologi 5G. Perbadanan Putrajaya telah menubuhkan pasukan khusus untuk bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi merealisasikan hasrat ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Melalui inisiatif *smart city*, Perbadanan Putrajaya juga telah membangunkan aplikasi Putrajaya Mobile, penyediaan perkhidmatan atas talian antaranya yang terbaharu seperti sistem E-Lesen dan sistem OSC 3.0 bagi memudahkan pengurusan pelanggan. Ini juga termasuk dengan penyediaan 250 spot wifi percuma di 16 kawasan kepada komuniti dan pengunjung yang datang ke Putrajaya serta pelaksanaan program-program *Smart Community* melalui *Putrajaya Open Innovation* atau POINT dalam meningkatkan budaya inovasi di kalangan komuniti terutamanya kepada generasi muda.

Bagi memastikan Putrajaya sebuah bandar lebih selamat dan selesa, pelbagai usaha telah dilaksanakan antaranya dengan menaiktaraf sejumlah 230 CCTV kepada Smart CCTV berdefinisi tinggi, pembangunan 39 *panic button* serta menaiktaraf Putrajaya Command Centre. Insya-Allah pada tahun ini akan ada pertambahan pada bilangan CCTV tersebut.

Wilayah Persekutuan Putrajaya turut dikenali sebagai lokasi tumpuan penganjuran acara peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Hasil usaha ini telah menarik

seramai 8 juta pelancong setahun datang berkunjung ke sini. Oleh kerana itu, Perbadanan Putrajaya sedang giat membangunkan produk-produk baharu antaranya, melaksanakan kerja-kerja menaik taraf pengisian produk pelancongan *walking* dan *cycling trails*, program *urban birding* dan program jejak taman Putrajaya serta program *placemaking* di tujuh (7) lokasi strategik sekitar Putrajaya.

Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya juga diperingkat pelaksanaan bagi Program Kebajikan Wilayah Persekutuan 2019 yang memfokuskan kepada 6 elemen utama iaitu program Jati Diri Remaja, program Kesejahteraan Wilayah, program Ekonomi Belia, Van Wilayah, program Bantuan Peralatan Kesihatan dan Pembangunan Bakat, program Perniagaan Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk membantu golongan B40 ke bawah meringankan kos sara hidup serta menaikkan taraf hidup komuniti Putrajaya khususnya.

KARNIVAL SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Pada hari ini turut diadakan Karnival Sukan yang mana program ini dirancang khusus untuk meraikan warga Wilayah Persekutuan Putrajaya. Penganjuran Karnival Sukan ini bagi membolehkan ukhwah antara komuniti terjalin erat antara Kerajaan untuk bertemu dan berinteraksi dengan masyarakat. Selain itu, dapat merapatkan jurang antara agensi kerajaan dengan penduduk tempatan keluh kesah komuniti Putrajaya didengari secara terus.

Penganjuran Karnival Sukan ini juga dapat menyuntik semangat bersukan dan mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti. Saya juga berharap melalui aktiviti-aktiviti sukan itu nanti kita dapat mencungkil bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk menyumbang kembali ke arah kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan.

Saya difahamkan, sebanyak tujuh (7) acara sukan dipertandingkan pada hari ini seperti sukan Bola Jaring, Bola Keranjang, Futsal, Tarik Tali, Muay, *Fun Walk* dan sukan elektronik (e-Sports) yang kini semakin mendapat perhatian terutama golongan muda.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada urus setia dari Kementerian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Putrajaya serta semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program kita pada pagi ini.

Dengan lafaz, BISMILLAHIRAHMANIRAHIM saya dengan ini merasmikan Kenduri Rakyat dan Karnival Sukan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.